



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (2) November 2025 (017-031)

Kesantunan Bahasa Murid-murid Peribumi Melanau Sarawak

Mohamad Nik Mat Pelet¹, Norita Harijaman², Nurul Nadia Samud³, Juliana Damsik⁴, Muhammad Nur Akmal Rosli⁵, Noor Saadah Salleh⁶ & Anida Sarudin⁷

¹nikmat@uitm.edu.my, ²julianad@uitm.edu.my, ³nurulnadia2555@uitm.edu.my, ⁴saadahsalleh@uitm.edu.my,
⁵akmalrosli@uitm.edu.my, ⁶noritaharijaman@uitm.edu.my & ⁷anida@fbk.upsi.edu.my

¹²³⁴⁵⁶*Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa
 Universiti Teknologi MARA, Shah Alam*

⁷*Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
 Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak*

Tarikh terima : 10 September 2024

Received

Terima untuk diterbitkan : 17 November 2024

Accepted

Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2025

Published online

Abstrak

Amalan kesantunan bahasa sangat dititikberatkan terutama dalam komunikasi oleh masyarakat Malaysia khususnya orang Melayu. Namun begitu, amalan kesantunan bahasa juga wujud dalam kalangan masyarakat bukan Melayu seperti masyarakat peribumi di Sarawak. Kesantunan bahasa adalah asas dalam amalan komunikasi bagi menggambarkan tingkat sosial sesebuah masyarakat dalam menjalinkan hubungan melalui sesebuah komunikasi. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menjelaskan maksim kesopanan dalam komunikasi kanak-kanak peribumi Melanau di Igan, Sarawak dalam pelbagai konteks situasi. Seramai 20 orang murid Sekolah Kebangsaan Kampung Igan (SKKI) berketurunan Melanau menjadi peserta kajian. Kajian secara kualitatif dan bersifat deskriptif ini memerlukan peserta kajian menyempurnakan Tugas Penyempurnaan Wacana (TPW) berdasarkan 18 konteks situasi. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1983) yang menekankan aspek maksim santun, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati. Dapatan kajian mendapati terdapat enam maksim yang diperkenalkan oleh Leech (1983) dalam amalan kesantunan murid-murid peribumi Melanau. Impaknya, kajian ini membuktikan bahawa amalan kesantunan bahasa turut diamalkan dan berkembang dengan baik dalam kalangan murid-murid peribumi Melanau. Justeru, amalan kesantunan bahasa perlu dipupuk dan dibangunkan sama ada dalam pengajaran secara langsung mahupun tidak langsung bagi membentuk masyarakat peribumi yang bersopan-santun, berbudi bahasa serta berpekerti mulia demi kelestarian masyarakat sejagat di Malaysia yang bukan sahaja sinonim dengan orang Melayu yang mementingkan aspek kesopanan bahasa.

Kata kunci : kesantunan bahasa, peribumi, Melanau, prinsip kesopanan, maksim

Language Politeness of the Indigenous Pupils of Melanau Sarawak

Abstract

The practice of language politeness is very much emphasized in communication by the Malaysian community especially the Malays. Not only that, this practice also exists among non-Malay communities such as indigenous community in Sarawak. The language politeness is the basic practice in communication to show the social rank of a society in establishing a relationship through communication. This study is aimed to identify and explain the

maxims of politeness in communication among the children of the Melanau indigenous in Igan, Sarawak withing different situational context. A total of 20 Melanau pupils of Sekolah Kebangsaan Kampung Igan (SKKI) participated in this study. This qualitative and descriptive study requires participants to complete the Discourse Completion Task (TPW) based on 18 situational contexts. The data obtained was analyzed by using the Leech's Politeness Principle (1983) which emphasized the maxims of politeness, generosity, supports, humility, agreement and sympathy. The finding of the study found that there are six maxims introduced by Leech (1983) in the practice of politeness among Melanau indigenous pupils. As a result, this study proves that the practice of language politeness is also being practiced and well-developed among pupils of Melanau indigenous. Therefore, the practice of language politeness must be nurtured and developed in both direct or indirect teaching to form an indigenous community that is polite, courteous and has a noble character for the sake of sustainability of all society in Malaysia which is not only synonymous to the Malays who are cared about the aspect of language politeness.

Keywords: *politeness of language, indigenous, Melanau, principle of politeness, maxims*

1. Pengenalan

Kesantunan bahasa tidak hanya merujuk kepada gaya seseorang menzahirkan komunikasinya melalui bahasa semata-mata malah, ia juga merangkumi tingkah laku, nada suara dan mimik muka ketika berlakunya interaksi. Kesantunan bahasa juga menjadi lambang atau identiti diri seseorang bagi memberikan gambaran keperibadiannya. Kesantunan berbahasa mampu menjadikan seseorang diperakui kehadirannya dalam sesuatu interaksi sosial ketika penutur dan pendengar mengelak perbualan yang mampu mewujudkan suasana kurang selesa melalui ungkapan dan pelakuan yang tidak disenangi oleh mana-mana pihak dalam sesuatu interaksi (Ayuni & Rohaidah, 2019). Menurut Awang Sariyan (2007) pula kesantunan seseorang dapat diukur melalui kepatuhan seseorang dalam berbahasa dengan mengikuti peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam sesuatu bahasa.

Leech (1983) turut mendefinisikan tentang kesantunan iaitu langkah untuk mengelak berlakunya konflik dalam sesuatu interaksi. Beliau turut memperkenalkan enam maksim dalam prinsip kesopanan yang menggambarkan kesantunan bahasa seseorang. Antara enam maksim yang ditekankan ialah maksim santun, maksim budiman, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati. Justeru, kesantunan berbahasa dapat ditafsirkan sebagai tutur kata yang tidak menyinggung mana-mana pihak serta pelakuan yang disenangi ketika berkomunikasi dengan sesiapaapun dalam sesuatu perlakuan bahasa. Kesopanan adalah cerminan akal budi seseorang ketika mereka sedar tentang pentingnya kesantunan berbahasa semasa memberi pandangan, pengetahuan atau meluahkan perasaan.

Amalan kesantunan dalam berbahasa sangat sinonim dengan masyarakat Melayu yang diamalkan dengan perilaku berhemah termasuklah pengungkapan bernada lembut, sederhana dan berhati-hati ketika berinteraksi (Ayuni & Rohaidah, 2019). Tujuannya adalah untuk mengelak berlakunya hubungan renggang antara dua pihak sehingga menimbulkan jurang yang menyebabkan komunikasi tidak berkesan dan disalahertikan sehingga memberi kesan terhadap penyampaian makna atau maklumat yang ingin disampaikan dalam sesuatu komunikasi. Menurut Salinah Ja'afar (2005) amalan kesantunan masyarakat Melayu juga lazimnya berteraskan agama Islam sehingga menjadikan masyarakat Melayu mempunyai nilai dan norma yang tinggi tarafnya dalam membentuk amalan komunikasi yang berkesan dengan pelakuan bahasa yang tidak menjengkelkan.

Begitu juga halnya dengan masyarakat peribumi di Sarawak yang berbilang bangsa dan agama. Masyarakat peribumi Melanau merupakan kaum minoriti di Sarawak dan dikatakan antara penduduk terawal di kawasan pedalaman Sarawak. Masyarakat Melanau dikategorikan dari susur galur Austronesia dahulunya tinggal di kawasan yang berdekatan dengan sungai mula bermigrasi kawasan tempat tinggal yang dihubungkan antara sungai-sungai di kawasan hilir Sarawak sehingga mula berasimilasi dengan penempatan setempat dan berlakunya perubahan identiti. Perubahan ini bukan sahaja dipengaruhi kerana berlakunya jalur migrasi malah dengan adanya kedatangan agama yang mereka anuti juga mula menampakkan perubahan dalam budaya dan identiti masyarakat Melanau. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis prinsip kesopanan yang wujud

dalam kalangan murid-murid atau kanak-kanak peribumi Melanau bagi membuktikan bahawa amalan kesantunan berbahasa tidak hanya sinonim dengan masyarakat Melayu malah masyarakat lain seperti masyarakat peribumi Melanau juga wujud amalan berbahasa dengan prinsip kesopanan yang ditekankan Leech (1983).

1.1 Permasalahan Kajian

Amalan kesantunan berbahasa menjadi topik yang sering kali dibincangkan sama ada secara ilmiah mahupun umum. Dewasa ini, isu berkaitan kesantunan berbahasa menjadi isu penting kerana amalan berkomunikasi dalam kalangan generasi kini semakin membimbangkan berbanding dengan masyarakat terdahulu. Kajian oleh Zaitul Azma, Ahmad Fuad dan Mohd Nur Hafizudin (2011) mengatakan golongan remaja sekolah mula mengabaikan nilai kesantunan ketika berbahasa sehingga menimbulkan fenomema berbahasa kasar terhadap guru atau orang yang lebih tua dari mereka. Pernyataan tersebut dikukuhkan lagi dengan kajian Jumiat Rosli (2009) yang menjelaskan asas berbudi bahasa yang perlu ada dalam diri seseorang adalah melemparkan senyuman dan mengucapkan terima kasih dalam sesuatu perbualan juga sukar untuk dicapai.

Era globalisasi juga semakin berevolusi bukan sahaja menguntungkan masyarakat malah, ia juga memberi kesan sampingan terhadap perkembangan amalan kesantunan berbahasa masyarakat. Internet dihujung jari memudahkan kanak-kanak amnya mengakses pelbagai sumber di media sosial tanpa tapisan juga mampu mempengaruhi perkembangan amalan komunikasi mereka. Menurut kajian Ainal Akmar et al. (2016), netizen atau pengguna media sosial sering menggunakan perkataan kurang sopan atau bahasa kesat di laman sosial tanpa mengira pangkat, umur mahupun darjat. Keadaan ini agak membimbangkan kerana teknologi maklumat tanpa sempadan ini mampu mempengaruhi pengguna lain termasuklah kanak-kanak yang mengakses sesuatu laman sosial sama ada secara sengaja ataupun tidak. Akhirnya, ia akan dinormalisasikan sehingga menyebabkan amalan kesantunan berbahasa turut terjejas.

Sedangkan Fazal Mohamed & Kamarul Fahhmi (2022) dalam kajian mereka menjelaskan usaha memartabatkan kesantunan berbahasa seseorang perlu diperkasa dengan pelbagai cara untuk meningkatkan martabat dan saluti seseorang apabila berkomunikasi dengan individu yang tidak dikenali. Malah, isu berkaitan kemerosotan penggunaan bahasa yang berlaku dalam kalangan generasi muda terutama dalam kalangan remaja membimbangkan pelbagai pihak sebagaimana kajian oleh Rais Yatim (2011) yang mendapati tahap kesopanan generasi muda di Malaysia menunjukan graf penurunan berbanding dengan belia di negara lain. Begitu juga halnya dengan kajian Ahmad Fuad et al. (2012) yang menjelaskan tentang penggunaan konokasi negatif dalam pertuturan remaja dan kajian oleh Haryati (2019) yang turut membincangkan tentang perlakuan kurang sopan dari segi penggunaan bahasa yang digunakan ketika berkomunikasi.

Laporan akhbar Utusan Borneo Online (2016) juga mendapati kebimbangan Ahli Dewan Undangan Negeri berkaitan 30% kanak-kanak peribumi tidak ke sekolah menengah dan ia membimbangkan isu berkaitan ketinggalan dalam pendidikan serta terlibat dengan gejala tidak sihat sehingga menyebabkan mereka menjadi ahli masyarakat yang bukan sahaja memberi kesan negatif kepada diri sendiri malah kepada warga di sekitar mereka kelak termasuklah sikap ketidaksantunan dalam masyarakat. Justeru, kajian berkaitan prinsip kesopanan dalam kesantunan bahasa kanak-kanak peribumi Melanau perlu dilakukan bagi menilai dan menganalisis tahap kesantunan berbahasa mereka lebih-lebih lagi, dengan keadaan perkembangan dunia kini yang mudah terdedah dengan sumber-sumber yang tidak tapis disamping mudah diakses pada bila-bila masa oleh setiap masyarakat tanpa mengira batas umur dan latar belakang.

1.2 Objektif Kajian

Berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat dua objektif utama kajian yang digariskan:

- i. mengenal pasti amalan kesantunan bahasa dalam komunikasi murid-murid peribumi Melanau di Sarawak.

- ii. menganalisis maksim prinsip kesopanan dalam komunikasi murid-murid peribumi Melanau di Sarawak.

Prinsip Kesopanan Leech (1983)

Aspek kesopanan dititikberatkan oleh Leech (1983) dalam komunikasi bagi mengelak atau mengurangkan komunikasi tidak sopan disamping, memaksimumkan ujaran yang lebih beradab. Elemen mesej yang ingin disampaikan serta pemahaman yang diterima adalah penekanan dalam sesuatu komunikasi. Terdapat enam maksim dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983) iaitu maksim santun yang meminimumkan kos bagi diri sendiri dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain dengan cara penutur berusaha untuk mengurangkan kuasanya terhadap orang lain disamping, meningkatkan manfaat kepada orang lain. Maksim kedua ialah kerendahan hati yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dengan cara memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Manakala, maksim ketiga ialah maksim persetujuan yang meminimumkan kerugian kepada pendengar sebaliknya memaksimumkan kerugian kepada diri sendiri dengan cara memperlihatkan kecenderungan untuk mengutamakan persetujuan terhadap pendengar. Maksim keempat pula ialah simpati, iaitu minimumkan antipati dan memaksimumkan simpati kepada orang lain. Maksim kelima ialah maksim budiman, iaitu maksim yang mengurangkan manfaat atau keuntungan diri sendiri dan cuba untuk memaksimumkan kos atau kerugian bagi diri sendiri. Maksim terakhir ialah maksim sokongan, iaitu memaksimumkan pujian dan meminimumkan cacian kepada orang lain ketika berkomunikasi. Kesemua maksim tersebut saling berhubungan dengan adab dan tingkah laku.

Berdasarkan enam maksim yang diperkenalkan oleh Leech (1983), ia bersesuaian dengan latar budaya masyarakat di Malaysia kerana setiap maksim tersebut terikat dengan sifat luhur dan budi pekerti yang sinonim dengan masyarakat Malaysia termasuklah masyarakat peribumi Melanau di Sarawak. Prinsip Kesopanan Leech (1983) jelas menitikberatkan keberuntungan, kesepakatan, rasa hormat dan sikap belas kasihan untuk orang lain berbanding terhadap diri sendiri. Dalam erti lain, maksim-maksim yang diperkenalkan oleh Leech menitikberatkan manfaat yang diperoleh pendengar dalam proses komunikasi sehingga mencapai nilai kesopanan dalam berbahasa. Dapatlah dikatakan bahawa Prinsip Kesopanan Leech (1983) bersesuaian dengan kajian yang dilakukan untuk menilai dan menganalisis prinsip kesopanan yang dimiliki oleh murid-murid peribumi Melanau di Sarawak bagi membuktikan bahawa prinsip kesopanan juga wujud dalam ruang lingkup masyarakat peribumi walaupun mereka adalah kumpulan minoriti dan bukan dari latar belakang masyarakat Melayu yang sinonim dengan amalan kesopanan. Kajian yang dilakukan di kawasan sekolah ini juga mampu membuktikan peranan sekolah sebagai sebuah institusi yang berperanan untuk menyediakan suasana yang ideal kepada murid-murid dalam usaha mempraktikkan amalan kesantunan berbahasa dalam pertuturan mereka dan kehidupan mereka.

2. Sorotan Literatur

Kajian berkaitan kesantunan bahasa yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu kebanyakan tertumpu kepada kelompok kaum utama di Malaysia seperti kaum Melayu, Cina dan India termasuklah remaja atau masyarakat umum. Kekurangan kajian-kajian khusus yang boleh dikaitkan dengan prinsip kesantunan dalam kalangan masyarakat peribumi Melanau selain daripada kesantunan dalam masyarakat peribumi utama Sarawak seperti kaum Iban. Oleh itu, perbincangan berkaitan sorotan literatur tertumpu kepada aspek kesantunan sama ada dalam komunikasi, kaum-kaum lain selain kaum Melanau termasuklah kesantunan dalam kalangan remaja.

Kajian oleh Hamidah, Siti Marina dan Remmy (2020) mendapati penggunaan bahasa halus adalah sangat tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak dan peribumi Iban di Sarawak. Penggunaan bahasa halus yang digunakan menunjukkan kedua-dua kelompok masyarakat tersebut mengamalkan aspek kesantunan bahasa dalam komunikasi mereka walaupun ia tidak bersifat langsung dalam memahami perkataan atau ujaran bahasa halus yang digunakan. Kajian yang melibatkan kelompok umur dewasa itu mendapati aspek kesantunan yang dipamerkan membuktikan latar belakang penutur iaitu kaum Melayu Sarawak dan peribumi Iban kaya dengan kehalusan bahasa dalam

komunikasi untuk memastikan tidak wujudnya konflik ketika berkomunikasi. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak dibuat secara langsung kepada peringkat umur kanak-kanak di sekolah lebih-lebih sekolah rendah, maka dapatan kajian tersebut akan ditambah baik dengan dapatan kajian yang dilakukan ini untuk membuktikan bahawa prinsip kesopanan dalam komunikasi murid-murid peribumi Melanau juga wujud sebagaimana masyarakat-masyarakat lain terutamanya masyarakat Melayu yang dominan dengan amalan kesantunan ini.

Antara lain, Mohd Khaidir, Mohd Nor Taufiq dan Wan Azni (2021) dalam kajian mereka berkaitan amalan kesantunan dalam kalangan pelajar universiti tempatan dan luar negara mendapati walaupun pelajar dari latar belakang berbeza namun, masih menampilkan amalan kesantunan dengan mempamerkan sikap hormat kepada warga yang ada di sekitar mereka termasuklah pensyarah, rakan, staf dan warga kampus. Berdasarkan dapatan kajian mereka, pelajar luar negara dari pelbagai negara juga tetap mempamerkan prinsip kesopanan terhadap orang di sekitar mereka sebagai tanda hormat akan orang diajak berkomunikasi. Jadi, ini membuktikan bahawa prinsip kesopanan tidak hanya terhad kepada kelompok tertentu malah, ia juga diamalkan oleh orang lain dan mungkin dengan konteks kesantunan yang berbeza berdasarkan budaya, adat dan amalan setempat. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini dapat membuktikan bahawa masyarakat peribumi Melanau di Sarawak juga tidak terasing dengan prinsip kesopanan dan perlu dibuktikan dengan data sahih yang diperincikan dalam dapatan dan perbincangan kajian yang dilakukan ini.

Pernyataan tersebut dikukuhkan dengan dapatan kajian oleh Kalthum dan Nur Faezah (2017) yang menyatakan budaya di Malaysia yang terkenal dengan budi bahasa bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Melayu malah, Cina, India dan sebagainya juga sering mempamerkan prinsip kesopanan dalam komunikasi sama ada komunikasi secara lisan, tulisan mahupun bukan lisan. Justeru, kajian berkaitan amalan kesopanan dalam kalangan murid-murid peribumi Melanau perlu dijalankan untuk membuktikan dapatan kajian mereka bahawa setiap kelompok masyarakat di Malaysia tidak terhad dalam mengamalkan amalan kesantunan bahasa agar ia menjadi lambang citra nuansa Malaysia yang benar-benar digambarkan dengan amalan kesopanan tanpa batas kaum termasuklah masyarakat minoriti seperti masyarakat Melanau di Sarawak walaupun hanya 5% daripada keseluruhan penduduk di Sarawak.

Begitu juga halnya dengan Mohammed Azlan (2011) yang mendapati masyarakat peribumi di Sarawak tidak asing dengan latar belakang dan gaya hidup masyarakat Melayu Sarawak sehingga mereka memilih untuk menggunakan bahasa Melayu dialek Sarawak ketika berhubung atau berkomunikasi dengan kelompok masyarakat lain kerana dialek tersebut lebih sinonim dan difahami oleh semua berbanding memilih untuk berinteraksi dengan menggunakan bahasa Melanau itu sendiri walaupun, mereka dari kelompok yang sama. Dalam pada itu, kajian tersebut mendapati masyarakat Melanau cenderung memilih dan menggunakan bahasa Melayu dialek Sarawak untuk berkomunikasi, namun tiada kajian yang berfokus kepada amalan kesopanan yang diamalkan oleh masyarakat Melanau ketika berinteraksi mahupun berkomunikasi. Lantas, kajian ini dilakukan bukan sahaja untuk membuktikan wujudnya amalan kesopanan dalam kalangan murid-murid peribumi Melanau, malah ia juga akan sejajar dengan pemilihan bahasa yang digunakan sama ada mempengaruhi amalan kesopanan atau sebaliknya.

Kajian oleh Zaitul Azma et al. (2011) pula menyatakan pelajar sekolah menengah kerap kali mengamalkan maksim santun dan kerendahan hati ketika berkomunikasi. Malah, mereka juga mendapati amalan santun sangat dititikberatkan ketika pelajar bertanya kepada guru sebagaimana perincian maksim santun yang memaksimumkan manfaat kepada orang lain iaitu guru selaku individu yang diajak berbual, berkomunikasi atau pendengar dalam ruang komunikasi tersebut termasuklah meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dalam maksim kerendahan hati. Oleh itu, pernyataan tersebut membuktikan bahawa prinsip kesopanan dalam kesantunan bahasa murid-murid di sekolah masih boleh dibentuk dengan pelbagai cara dan perlu dilindungi agar mereka dapat membesar dengan prinsip kesopanan yang tepat dan sesuai untuk diamalkan. Lantaran itu, kajian yang dilakukan ini akan mengukuhkan pendapat Zaitul Azma et al. (2011) dalam kajian yang telah mereka laksanakan.

Rabahyah dan Zaitul (2017) dalam kajian mereka turut mendapati penanda santun telah mula digunakan oleh kanak-kanak sejak dari kecil lagi iaitu seawal di kelas tadika mahupun prasekolah dengan menggunakan perkataan-perkataan yang dapat disejajarkan dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983) seperti perkataan *boleh*, *tolong*, *kasihan* dan *terima kasih* yang sangat sinonim dan dominan dengan maksim santun. Dapatan kajian mereka juga membuktikan bahawa kanak-kanak sebenarnya telah mulai terdedah dengan prinsip kesopanan sejak awal usia empat tahun lagi melalui didikan ibu bapa termasuklah secara tidak langsung didikan guru-guru di sekolah. Justeru, jelaslah bahawa kanak-kanak telah terdedah dengan prinsip kesopanan dalam komunikasi seharian mereka namun, ia tidak secara menyeluruh dengan melibatkan keenam-enam maksim seperti yang disarankan oleh Leech (1983) dalam prinsip yang telah diperkenalkan. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk memastikan prinsip kesopanan juga diamalkan oleh kelompok masyarakat kanak-kanak peribumi Melanau di Sarawak.

Pernyataan tersebut selari dengan pendapat dan pandangan Awang Sariyan (2021) yang menyatakan kebimbangan beliau terhadap bahasa orang muda termasuklah kanak-kanak sekolah yang terdedah dengan penggunaan bahasa yang tidak santun melalui pelbagai platform termasuklah sikap mereka yang kurang berminat untuk menitikberatkan penggunaan bahasa santun. Beliau turut memberi cadangan dalam artikel penulisannya yang dipetik daripada Jendela Buletin DBP, mengenai peranan sekolah dalam membantu membentuk prinsip kesantunan dalam soal bahasa kalangan orang muda melalui sistem pendidikan yang lebih sistematik dengan menekankan elemen kesantunan disamping, peranan ibu bapa, media dan agensi tertentu untuk memastikan isu berkaitan kesopanan bahasa dapat diangkat dan dimartabatkan dalam kalangan generasi muda.

Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa prinsip kesopanan merupakan elemen penting yang perlu disemai dan dibentuk dalam diri seseorang tanpa mengira latar belakang, kaum atau agama. Setiap daripada lapisan masyarakat perlulah mengamalkan prinsip kesopanan dalam kesantunan bahasa agar tidak berlakunya konflik dalam komunikasi. Lantas, sejak dari awal iaitu dari kecil lagi, kanak-kanak perlu didedahkan secara meluas kesan dan akibatnya jika bertindak mengenyepikan amalan kesantunan bahasa dengan elemen prinsip kesopanan yang sesuai dalam kehidupan mereka. Langkah ini perlulah diawali dengan melaksanakan kajian seumpama ini agar mendapat maklumat jelas dan sahih tentang tingkat prinsip kesopanan yang ada dalam kehidupan seharian kanak-kanak termasuklah kanak-kanak peribumi Melanau seperti dalam kajian ini.

3. Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan mengedarkan borang soal selidik berbentuk Tugas Penyempurnaan Wacana (TPW) yang dipelopori oleh Bulm-Kulka (1975) dalam kajiannya melibatkan penutur natif dan bukan penutur natif Hebrew (Levenston, 1975). Menurut Normah Ahmad, Amirah Ahmad dan Sharina Shaharuddin (2020), TPW lazimnya digunakan dalam bidang pragmatik khususnya kajian lakuan bahasa dan mempunyai antara 10 hingga 20 konteks situasi yang memerlukan sampel atau peserta kajian memberi maklum balas terhadap situasi yang diberi. Lokasi kajian dilakukan adalah di sekolah yang menempatkan murid-murid peribumi Melanau iaitu di salah sebuah sekolah di daerah Dalat, Sarawak. Dapatan data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993) bagi menentukan bentuk maksim yang dizahirkan oleh murid melalui konteks situasi yang diberikan.

3.1 Instrumen Kajian

Tugas Penyempurnaan Wacana atau dikenali sebagai *Discourse Completion Test (DCT)* merupakan kaedah yang sering digunakan untuk melihat sesuatu lakuan bahasa. Menurut Kim (2007), TPW boleh dizahirkan dengan pelbagai kaedah sama ada dalam bentuk lisan, lengkap dialog, bentuk kartun, aneka jawapan dan jawapan terbuka. Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, pengkaji memilih TPW berdasarkan kaedah melengkapkan dialog berdasarkan Prinsip Kesopanan Leech (1993). Enam situasi konteks dibentuk berdasarkan maksim yang diperkenalkan Leech (1993) dengan 12 soalan berbentuk dialog. Setiap maksim tersebut mengandungi tiga soalan yang memerlukan peserta kajian

melengkapkannya dalam bentuk dialog. Jadual 1 merupakan contoh salah satu situasi daripada setiap maksim yang terkandung dalam TPW tersebut.

Jadual 1

Contoh Situasi

Jenis Maksim	Contoh Situasi (Dialog)
Maksim Santun	Rakan anda telah menuduh anda mengambil barangnya. Nyatakan cara anda berhadapan dengan situasi tersebut.
Maksim Kedermawanan	Ibu anda sakit dan tidak dapat menyediakan juadah makan malam. Apakah tindakan yang anda lakukan?
Maksim Sokongan	Adik anda telah jatuh sakit manakala ayah dan ibu anda perlu bekerja pada hujung minggu. Pada masa yang sama, anda pula perlu menjalani latihan sukan penting di sekolah. Bagaimanakah anda berdepan dengan situasi tersebut?
Maksim Kerendahan Hati	Anda telah memarahi rakan yang telah menyebabkan anda jatuh di hadapan orang ramai. Apakah tindakan anda selepas itu?
Maksim Persetujuan	Rakan baik anda mengajak bermain bola sepak. Namun, pada masa yang sama rakan sekelas meminta anda untuk membantu mereka menyelesaikan satu tugas. Apakah tindakan anda ketika itu?
Maksim Simpati	Ketika balik dari kedai, anda ternampak seorang lelaki tua terjatuh. Namun, pada masa yang sama tangan anda penuh dengan barang-barang yang dibeli. Apakah tindakan anda ketika itu?

Walaupun peserta kajian terdiri daripada murid-murid peribumi Melanau, soalan atau dialog yang disediakan dalam TPW menggunakan bahasa Melayu standard bagi memudahkan pemahaman peserta kajian ketika menjawab TPW. Justeru, TPW yang lengkap dijawab oleh peserta kajian dianalisis dengan berlandaskan Teori Kesopanan Leech (1993) yang menekankan enam aspek seperti:

- i. maksim santun
 - meminimumkan manfaat bagi diri sendiri
 - memaksimumkan manfaat kepada orang lain
- ii. maksim kedermawanan
 - meminimumkan keuntungan bagi diri sendiri
 - memaksimumkan kos bagi diri sendiri
- iii. maksim sokongan
 - meminimumkan cacian terhadap orang lain
 - memaksimumkan pujian terhadap orang lain
- iv. maksim kerendahan hati
 - meminimumkan pujian terhadap diri sendiri
 - memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri
- v. maksim persetujuan
 - meminimumkan pertelingkahan antara diri sendiri dengan orang lain
 - memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain
- vi. maksim simpati
 - meminimumkan antipati antara diri dengan orang lain
 - memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain

Maksim-maksim yang diperkenalkan dalam teori berkenaan menitikberatkan manfaat atau keuntungan yang diperoleh oleh pendengar ketika dalam sesuatu komunikasi sehingga mencapai impak kesopanan berbahasa. Justeru, berdasarkan dapatan analisis jawapan dalam TPW disejajarkan dengan dengan keenam-enam maksim yang diperkenalkan oleh Leech (1993) dengan cara menandai sama ada kata, frasa atau ayat yang merujuk kepada maksim-maksim tersebut. Oleh itu, setiap jawapan peserta kajian dilabelkan seperti berikut:

Jadual 2*Pelabelan Data*

Maksim	Pelabelan Data
Maksim santun	TPW/PK1/MS
Maksim kedermawanan	TPW/PK2/MK
Maksim sokongan	TPW/PK3/MSn
Maksim kerendahan hati	TPW/PK4/MKH
Maksim persetujuan	TPW/PK5/MP
Maksim simpati	TPW/PK6/MSi

Kaedah pelabelan digunakan bagi memudahkan pemahaman pembaca dalam perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini. Pelabelan yang digunakan juga dengan meringkaskan awal perkataan bagi nama setiap maksim yang dikaji dalam kajian ini. TPW mewakili Tugas Penyempurnaan Wacana, PK mewakili 20 peserta kajian manakala MS, MK, MSn, MKH, MP dan MSi mewakili enam maksim dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983) seperti dalam jadual 2.

3.2 Peserta Kajian

Pemilihan peserta kajian terdiri daripada murid-murid peribumi Melanau Igan yang bersekolah di salah sebuah sekolah di daerah Dalat, Sarawak. Murid-murid yang dipilih untuk melengkapkan dialog adalah seramai 20 orang yang terdiri daripada murid tahap II iaitu murid tahun 4, 5 atau 6 di lokasi kajian. Pemilihan 20 orang murid juga adalah secara rawak dengan mengambil kira ciri-ciri yang telah ditetapkan pada setiap murid untuk dipilih sebagai peserta kajian. Setiap peserta kajian juga akan dilabelkan dengan pelabelan khusus tanpa mendedahkan identiti sebenar sampel kajian. 20 sampel kajian juga memadai untuk menjawab persoalan kajian ini kerana pengkaji-pengkaji terdahulu seperti Normah Ahmad, Amirah Ahmad dan Sharina Shahrudin (2020) dalam kajian mereka menggunakan 20 pelajar dari satu universiti untuk menjawab TPW, manakala Mohd Khaidir, Mohd Nor Taufiq dan Wan Azni (2021) pula melibatkan 50 pelajar daripada dua buah universiti dalam kajian berkaitan amalan dan penilaian kesantunan berbahasa. Justeru, pemilihan 20 peserta kajian dalam kajian ini adalah memadai untuk menjawab persoalan kajian dan membuktikan prinsip kesopanan dalam kesantunan bahasa kanak-kanak peribumi Melanau di Sarawak.

4. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Perbincangan seterusnya akan memperincikan jumlah ujaran berpaksikan setiap maksim yang diujar oleh peserta kajian. Setiap maksim mengandungi tiga situasi yang memerlukan sampel kajian untuk menjawab dengan mengemukakan ujaran yang sesuai dengan situasi yang dinyatakan dalam setiap soalan. Jadual 3 menunjukkan bilangan maksim yang menepati ciri-ciri setiap maksim seperti maksim santun, kedermawanan, sokongan, kerendahan hati, persetujuan dan simpati bagi setiap peserta kajian.

Jadual 3*Jumlah Maksim oleh Peserta Kajian*

Peserta Kajian	Maksim santun	Maksim kedermawanan	Maksim sokongan	Maksim kerendahan hati	Maksim persetujuan	Maksim simpati	Jumlah Maksim
PK1	2	2	2	1	2	2	11/18
PK2	1	0	0	0	2	2	5/18
PK3	3	1	3	1	3	1	12/18
PK4	3	2	1	2	1	2	11/18
PK5	2	3	0	2	1	1	9/18
PK6	1	1	1	1	2	1	7/18
PK7	1	1	0	0	0	2	4/18
PK8	2	1	1	0	1	2	7/18
PK9	2	1	3	1	1	2	10/18
PK10	2	1	1	1	2	2	9/18
PK11	2	1	2	0	1	2	8/18

PK12	2	3	2	3	3	1	14/18
PK13	3	2	2	3	2	1	13/18
PK14	3	2	3	3	2	3	16/18
PK15	3	3	0	1	2	2	11/18
PK16	3	3	2	2	0	2	12/18
PK17	3	3	2	2	2	0	12/18
PK18	2	3	1	1	2	3	12/18
PK19	1	2	2	1	1	0	7/18
PK20	2	0	1	1	0	1	5/18
Jumlah	43	35	29	26	30	32	195/360

Secara keseluruhannya, peserta kajian mampu menzahirkan ujaran-ujaran berteraskan maksim sebagaimana Prinsip Kesopanan Leech (1983). Sebagai contohnya, PK2, PK6, PK7, PK8, PK19 dan PK20 masing-masing dengan jumlah yang rendah iaitu 5, 7, 4, 7, 7 dan 5 ujaran yang ketara menzahirkan prinsip kesopanan yang menepati ciri-ciri maksim seperti yang ditekankan oleh Leech (1983). Manakala PK1, PK4, PK5, PK9, PK10, PK11 dan PK15 masing-masing dengan jumlah maksim yang sederhana iaitu 11, 11, 9, 10, 9, 8 dan 11 ujaran yang relevan dengan ciri-ciri Prinsip Kesopanan Leech (1983). PK3, PK12, PK13, PK14, PK16, PK17 dan PK18 pula mencatatkan ujaran kesopanan yang tinggi selari dengan prinsip yang ditekankan oleh Leech (1983) iaitu masing-masing dengan jumlah ujaran 12, 14, 13, 16, 12, 12 dan 12. Keadaan ini membuktikan bahawa prinsip kesopanan dalam kesantunan berbahasa murid peribumi Melanau di Sarawak tidak ditonjolkan secara konsisten dan nyata kerana bilangan murid yang mempamerkan prinsip kesopanan berdasarkan situasi yang dikemukakan masih sedikit dan ia memerlukan perhatian sepenuhnya oleh ibu bapa mahupun pihak sekolah dalam membantu memastikan murid-murid tersebut dapat memahami cara untuk menzahirkan nilai atau prinsip kesopanan dalam berbahasa sama ada dengan rakan sebaya, ibu bapa, ahli keluarga, guru dan masyarakat sekitarnya. Langkah ini wajar kerana murid-murid ini kelak akan menjadi dewasa dan perlu dibekalkan dengan ilmu-ilmu berkaitan adab dan kesopanan bagi memastikan gaya hidup dan persekitaran mereka kekal aman dan tenteram tanpa berlakunya sebarang konflik akibat daripada kurangnya sikap sopan dalam diri mereka ketika hidup dalam masyarakat. Kajian Ayuni dan Rohaidah (2019) menjelaskan bahawa salah faham dapat dielakkan dengan menerapkan prinsip kesopanan ketika berkomunikasi disamping melancarkan penyampaian ketika dalam sesuatu konteks perbualan. Penerapan nilai dan potensi murid dalam pengajaran perlu berjalan seiring dengan aspek kandungan bagi melahirkan murid yang seimbang dalam pelbagai aspek termasuklah emosi dan sosial (Mohd Khaidir & Mohamad Nortaufig, 2019) yang dapat dikaitkan dengan nilai kesopanan dalam diri seseorang. Maka, dapatlah disimpulkan bahawa peratus bagi maksim yang dipamerkan oleh peserta kajian adalah seperti jadual 4.

Jadual 4
Jumlah Maksim oleh Peserta Kajian

Jenis Maksim	Jumlah Maksim (60 situasi)	Peratus (%)
Maksim santun	43	71.6
Maksim kederawanan	35	58.3
Maksim simpati	32	53.3
Maksim persetujuan	30	50
Maksim sokongan	29	48.3
Maksim kerendahan hati	26	43.3

Perbincangan seterusnya akan memperincikan dapatan analisis setiap maksim dengan mengemukakan ujaran peserta kajian berdasarkan maksim-maksim yang terkandung dalam soalan TPW. Berdasarkan jadual 4, maksim santun adalah prinsip kesopanan yang paling tinggi ditonjolkan oleh murid-murid Melanau iaitu sebanyak 71.6% berbanding maksim kerendahan hati sebanyak 43.3%. Begitu juga halnya dengan maksim kederawanan sebanyak 58.3%, maksim simpati 53.3%, maksim persetujuan 50% dan maksim sokongan 48.3%. Huraian seterusnya akan membincangkan setiap maksim dan ujaran yang dizahirkan oleh murid-murid peribumi Melanau melalui TPW dan dikaitkan dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983).

Maksim Kerendahan hati dan Maksim Santun

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, maksim kerendahan hati adalah maksim paling rendah dipamerkan oleh peserta kajian melalui konteks situasi dalam TPW iaitu sebanyak 43.3% bersamaan dengan 26 ujaran yang menepati ciri-ciri Prinsip Kesopanan Leech (1983) daripada 60 konteks situasi berbanding maksim santun sebanyak 71.6% bersamaan dengan 43 ujaran daripada 60 konteks situasi keseluruhan. Pernyataan ini dapat dibuktikan dengan beberapa contoh ujaran peserta kajian dalam maksim kerendahan hati:

“Saya akan memberitahu penjaga saya supaya mereka berasa bangga dengan kejayaan saya.” (TPW/PK1/MKH)

“merasa bangga dan dihormati.” (TPW/PK2/MKH)

“Saya merasa bangga apabila disenangi semua guru, lebih-lebih lagi ibu bapa saya juga guru di sekolah yang sama.” (TPW/PK5/MKH)

“Saya merasa biasa saja.” (TPW/PK20/MKH)

Pernyataan PK1, PK2 dan PK5 menggambarkan diri murid tersebut seakan-akan meminta orang di sekeliling mereka turut berasa bangga dan perlu menghormati mereka kerana kejayaan yang telah mereka peroleh sedangkan sifat tersebut bertentangan dengan maksim kerendahan hati sebagaimana yang ditekankan oleh Leech (1983) bahawa maksim kerendahan hati menekankan prinsip mengurangkan pujian namun, memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Dalam erti lain, ujaran PK1, PK2 dan PK5 berlakunya pelanggaran maksim kerendahan hati. Begitu juga halnya dengan pernyataan PK20 pula seolah-olah tidak merasakan sebarang perasaan apabila hanya menyatakan merasa biasa sahaja apabila dilantik menjadi pengawas serta disenangi oleh kebanyakan orang disekelilingnya. Gambaran perasaan merasa biasa sahaja seolah-olah peserta kajian berkenaan seakan-akan angkuh sedangkan dia boleh menzahirkan perasaan lain yang sinonim dengan prinsip kerendahan hati seperti berasa syukur, gembira dan sebagainya seperti contoh ujaran berikut:

“Saya akan bersyukur dan berterima kasih.” (TPW/PK12/MKH)

“Saya akan tetap menjalankan tugas saya sebagai pengawas walaupun ibu bapa saya juga guru di sekolah berkenaan.” (TPW/PK5/MKH)

Lantas, melalui ujaran ini dapat dijelaskan bahawa sifat kerendahan hati dalam kalangan murid-murid peribumi Melanau wajar diperkasakan dengan pelbagai kaedah yang sesuai melalui pengajaran dan pembelajaran di sekolah mahupun teguran ibu bapa di rumah. Senada dengan pendapat Mohd Khaidir, Mohd Nor Taufiq dan Wan Azni (2021) bahawa pendedahan elemen berbahasa memberi kesan positif untuk mempelajari asas kesantunan bahasa dalam diri seseorang. Justeru, peranan guru dan ibu bapa sangat penting dalam menerapkan elemen berbahasa agar murid-murid peribumi ini khususnya dapat menzahirkan perasaan mereka sesuai dengan prinsip kesopanan sebagaimana yang ditekankan oleh Leech (1983) dalam teorinya.

Walau bagaimanapun, keadaan sedikit berbeza dalam maksim santun apabila murid-murid peribumi Melanau Sarawak lebih mudah mempamerkan sikap santun berbanding dengan sifat rendah hati kerana 26 ujaran yang dikenal pasti membuktikan hanya sebilangan kecil daripada mereka berasa rendah hati dalam situasi-situasi tertentu berbanding 43 ujaran maksim santun yang dizahirkan oleh peserta kajian. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa mereka mempunyai sifat santun yang tinggi lebih-lebih lagi, jika melibatkan konteks situasi bersama guru, ahli keluarga dan maruah diri. Beberapa ujaran peserta kajian bagi maksim santun pula adalah seperti berikut:

“Saya akan meminta kebenaran guru terlebih dahulu.” (TPW/PK7/MS)

“Saya akan meminta maaf kepada ayah dan menjelaskan keadaan sebenar.”
(TPW/PK3/MS)

“Saya akan menjelaskan kepada guru bahawa saya tidak pernah terfikir dan mengambil barang kawan lain.” (TPW/PK9/MS)

“Saya akan membuktikan bahawa saya tidak mengambil barangnya.” (TPW/PK17/MS)

Merujuk kepada ujaran tersebut, murid-murid peribumi Melanau lebih menghargai orang yang rapat dengan mereka seperti guru atau ibu bapa mereka kerana dengan jelas peserta-peserta kajian mencerminkan sikap sopan dalam berbahasa malah ketika mempertahankan maruah diri juga jelas sekali peserta-peserta kajian tersebut masih menerapkan prinsip santun dengan ujaran meminta kebenaran, meminta maaf dan menjelaskan sebagaimana yang terkandung dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983) iaitu meminimumkan manfaat bagi diri sendiri serta memaksimumkan manfaat kepada orang lain. Maka, benarlah pendapat Ab. Razak Ab. Karim (2016) yang mengatakan bahawa prinsip kesopanan bukan sahaja sebatik dalam kalangan masyarakat Melayu malah, orang asing seperti Inggeris dan Belanda juga akur akan budaya kesopanan yang menjadi amalan masyarakat Melayu di Malaysia sejak zaman lampau yang dapat dibuktikan melalui hubungan mereka dengan Institusi Raja-raja mahupun pembesar - pembesar Melayu sejak dahulu apatah lagi, masyarakat peribumi Melanau yang telah sekian lama mendiami bumi Malaysia amnya dan Sarawak khususnya.

Maksim Kedermawanan dan Maksim Persetujuan

Selain itu, maksim kedermawanan pula menunjukkan 35 ujaran bersamaan dengan 58.3% dan ini membuktikan murid-murid peribumi Melanau juga mempunyai sifat dermawan yang tinggi serta mudah untuk bersetuju dengan keadaan-keadaan tertentu apabila maksim persetujuan menunjukkan sebanyak 30 ujaran dengan kadar 50% daripada keseluruhan ujaran. Sebagai contohnya, dalam ujaran persetujuan yang telah dikemukakan oleh peserta kajian dalam TPW seperti berikut:

“Saya akan membantu mereka menyelesaikan tugas terlebih dahulu, kemudian barulah bermain bola sepak.” (TPW/PK3/MP)

“Saya akan bantu mereka siapkan satu tugas dulu selepas itu baru saya bermain bola sepak.” (TPW/PK10/MP)

“terima kasih tetapi saya sudah makan di sebuah gerai tadi. Sayan boleh membungkus makanan ini dan makan di rumah saya nanti. Terima kasih.” (TPW/PK14/MP)

Ujaran PK3 dan PK10 tersebut mempamerkan prinsip kesopanan maksim persetujuan yang baik apabila bersetuju untuk membantu rakan lain terlebih dahulu walaupun pada ketika itu telah berjanji untuk bermain dengan rakannya. Keadaan tersebut mencerminkan sifat yang mulia kerana sanggup memberi sebarang bentuk bantuan yang bertujuan untuk meringankan beban disamping, menjalinkan hubungan yang harmoni (Sara Beden, 2020). Dalam pada itu, ia juga selari dengan prinsip Leech (1983) untuk meminimumkan pertelingkahan antara diri sendiri dengan orang lain serta memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain. Begitu juga dengan ujaran PK14 yang ingin menjaga hati keluarga rakannya yang telah bersusah payah menyediakan makanan dan tidak menolak secara terus ajakan tersebut malah memberi persetujuan untuk makan ketika berada di rumah. Ujaran tersebut relevan dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983) bagi mengelak sebarang ketegangan, pertelingkahan atau hubungan renggang akibat kecil hati daripada perbuatan menolak ajakan keluarganya untuk menjamu selera bersama-sama. Walau bagaimanapun, terdapat juga peserta kajian yang tidak mempamerkan prinsip kesopanan persetujuan iaitu melanggar maksim persetujuan dengan sewajarnya dalam konteks situasi tersebut apabila mereka menolak sesuatu ajakan dengan cara tidak sopan melalui ujaran yang tidak sewajarnya seperti berikut:

“Saya memberitahu tidak perlu kerana saya telah makan di gerai tadi.” (TPW/PK3/MP)

Cara menolak ajakan ibu kepada rakannya untuk makan ketika menziarahi mereka di rumah dilihat tidak sesuai kerana konteks untuk memaksimumkan persetujuan antara diri dengan orang lain tidak mampu dicapai melalui ujaran penolakan seumpama itu malah, boleh mewujudkan hubungan yang renggang akibat daripada ujaran yang kurang sesuai dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Manakala bagi ujaran maksim kedermawanan pula membuktikan prinsip kesopanan tersebut adalah berada pada aras sederhana dengan nilai 50% peserta kajian mempamerkan sifat kedermawanan dalam situasi-situasi yang terdapat dalam TPW. Antara ujarapan peserta kajian dalam maksim kedermawanan adalah seperti berikut:

“Saya akan belanja dia makan.” (TPW/PK13/MK)

“Saya akan memasak bubur dan memberinya air.” (TPW/PK12/MK)

“menolong memasak untuk ibu dengan Ikhlas.” (TPW/PK16/MK)

“Saya tidak kisah kerana saya tidak makan nasi.” (TPW/PK1/MK)

“Saya akan memasak sendiri makanan saya.” (TPM/PK5/MK)

“membuat air dan makan roti.” (TPW/PK9/MK)

Ujaran PK13, PK12 dan PK16 jelas menunjukkan sifat kedermawanan yang tinggi dalam diri murid-murid peribumi Melanau apabila mereka sanggup untuk meminimumkan keuntungan bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri dalam situasi-situasi tersebut berbanding dengan ujaran PK1, PK5 dan PK9 yang mementingkan diri sendiri apabila bertindak untuk menyediakan makanan untuk diri sendiri sahaja sedangkan situasi tersebut jelas menunjukkan bahawa ibunya yang tidak sihat dan tidak berupaya untuk menyediakan makanan untuknya. Maka, jelas menunjukkan ujaran PK1 yang tidak kisah akan situasi ibunya yang tidak sihat untuk menyediakan makanan untuk dirinya, PK5 yang akan memasak sendiri dan tidak menyediakan makanana untuk ibunya dan PK9 yang hanya akan membuat air dan makan roti tanpa memikirkan keadaan ibunya jelas mempamerkan pelanggaran maksim kedermawanan iaitu sifat dermawan yang rendah dalam diri mereka kerana sikap untuk memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos bagi diri sendiri semata-mata berbandingkan dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983) yang menekankan prinsip sebaliknya.

Maksim Simpati dan maksim Sokongan

Maksim simpati dan sokongan pula masing-masing menunjukkan 32 dan 29 ujaran yang dipamerkan oleh murid-murid peribumi Melanau iaitu pada tingkat sederhana dan rendah. Berikut ialah ujaran berkaitan maksim santun yang telah dianalisis:

“Saya akan meletakkan barang-barang terlebih dahulu lalu berlari untuk membantu lelaki tua itu.” (TPW/PK4/MSi)

“bergegas membantu lelaki tua itu.” (TPW/PK8/MSi)

“menolong dan meletakkan barang di tepi.” (TPW/PK9/MSi)

“sedih dan menolong memberi sedikit wang dan makanan untuk dia makan.” (TPW/PK14/MSi)

Berdasarkan ujaran-ujaran tersebut, maksim simpati jelas dipamerkan oleh murid-murid peribumi Melanau sama ada dalam situasi bersama guru, ibu bapa mahupun rakan-rakan termasuklah orang di sekeliling mereka. Ujaran PK4, PK8 dan PK9 jelas menunjukkan cara simpati apabila berdepan dengan situasi yang melibatkan keadaan ketidakupayaan seseorang dalam sesuatu perkara.

Begitu juga halnya dengan ujaran PK14 yang sanggup memberi bantuan kepada seorang kanak-kanak yang tidak kenalnya ketika berada dalam kesusahan. Merujuk kepada ujaran tersebut, murid-murid peribumi Melanau lebih cakna akan kesusahan seseorang dan sanggup memberi bantuan kepada orang yang memerlukan terlebih dahulu berbanding dengan mendahulukan tugas yang sedang mereka lakukan. Keadaan ini jelas menepati prinsip maksim simpati sebagaimana yang ditekankan Leech (1983) iaitu meminimumkan antipati antara diri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain dan ia sejajar dengan pandangan Nor Shahila Mansor (2019) bahawa penutur cenderung untuk menggunakan pelbagai kaedah komunikasi termasuklah strategi ketidaksantunan bagi mencapai matlamat komunikasi masing-masing namun, rasa simpati boleh diekspresikan dalam bentuk susunan kata-kata yang boleh menimbulkan rasa simpati atau cetusan rasa secara terus dengan perkataan yang jelas maknanya seperti kasihan, takziah, sedih dan sebagainya.

Berikut pula ujaran berkaitan maksim sokongan yang dianalisis berdasarkan TPW yang telah diedarkan kepada murid-murid peribumi Melanau. Berdasarkan ujaran PK3, PK4 dan PK6, jelas sekali mempamerkan ujaran yang sinonim dengan prinsip maksim simpati kerana ujaran-ujaran tersebut jelas dan ketara mereka memberi sokongan kepada adik ataupun rakan yang ditimpa musibah.

“meminta izin untuk tidak ke sekolah menjalani latihan sukan kerana harus menjaga adik yang sakit.” (TPW/PK3/MSn)

“Saya akan memberi sokongan kepada adik saya dalam pertandingan itu.” (TPW/PK4/MSn)

“Saya perlu menjaga adik hingga sihat.” (TPW/PK6/MSn)

Namun, terdapat pelanggaran maksim yang diujarkan oleh beberapa orang peserta kajian. Antaranya, ujaran yang dizahirkan oleh PK15, PK17 dan PK18 adalah ujaran yang mempamerkan berlakunya pelanggaran maksim sokongan sebagaimana yang terkandung dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983) iaitu meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain.

“bantu rakan yang bergaduh dengan ikut serta.” (TPW/PK15/MSn)

“Saya akan menjalani latihan sukan seperti biasa.” (TPM/PK17/MSn)

“menyuruh jiran jaga adik saya dan menyuruh jiran menghantar adik ke hospital.” (TPW/PK18/MSn)

Berdasarkan ujaran PK17 dan PK18 tidak memberi sokongan yang sewajarnya kepada adik mereka dengan menyatakan akan menjalani latihan seperti biasa dan meminta bantuan jiran untuk menjaga adik. Sedangkan dalam konteks yang diberikan, ibu atau penjaga mereka tidak berada di rumah untuk menjaga adiknya yang sakit dan sewajarnya PK17 dan PK18 memberi ujaran yang memaksimumkan kepujian dengan memberi jawapan yang lebih relevan dan sopan dengan mengutamakan kesihatan adiknya berbanding memilih untuk terus menjalani latihan sukan selari dengan pendapat dan pandangan Ayuni dan Rohaidah (2019) dalam kajian mereka yang menyatakan maksim sokongan bukan sahaja untuk memuji malah, menyokong perbuatan seseorang supaya lebih bersemangat dan seterusnya berusaha untuk melaksanakannya dengan lebih baik. Begitu juga dengan PK15 yang memberi sokongan dengan cara yang salah iaitu turut serta dalam pergaduhan sebagai bantuan kepada rakannya yang dibuli. Oleh itu, jati diri yang rendah dalam diri seseorang mendorong individu tertentu untuk tidak mempamerkan kesantunan seperti dalam situasi PK15 walaupun budaya tersebut telah diterapkan dalam diri mereka sejak azali lagi sebagaimana pendapat Zamri Mahamod et al. (2020), jati diri amat penting untuk diterap dan dipupuk dalam diri setiap warganegara Malaysia termasuklah masyarakat peribumi bagi memastikan penghayatan terhadap budaya Melayu termasuklah penggunaan bahasa Melayu dan nilai-nilai Melayu seperti sikap sopan dapat diamalkan oleh seluruh rakyat Malaysia demi kemajuan dan ketamadunan bangsa Malaysia.

5. Kesimpulan

Rumusannya, dapatlah dikatakan bahawa prinsip kesopanan dalam kalangan murid-murid peribumi Melanau di Sarawak menunjukkan satu amalan yang positif kerana rata-rata murid-murid tersebut mempamerkan amalan berbahasa yang santun dalam pelbagai konteks situasi yang diberikan. Murid-murid peribumi Melanau juga menunjukkan sikap atau amalan kesantunan bahasa yang hampir sama dengan murid-murid Melayu yang sinonim dengan amalan kesantunan tersebut. Lantas, keadaan ini membuktikan bahawa masyarakat Melanau yang bukan dari latar belakang yang sama dengan masyarakat Melayu juga dididik dengan prinsip-prinsip kesopanan seperti rasa simpati pada orang yang di sekitar mereka, santun dalam hampir semua keadaan, suka memberi bantuan ataupun sokongan serta rendah hati yang tinggi disamping, sentiasa berusaha untuk memberikan persetujuan ketika berada dalam situasi yang memerlukan membuat keputusan. Amalan berbahasa yang ditonjolkan oleh murid-murid peribumi Melanau ini bukan sahaja hasil didikan ibu bapa atau penjaga mereka, malah peranan dan tanggungjawab pihak sekolah dalam merancang dan melaksanakan bentuk-bentuk aktiviti yang sesuai bagi membentuk amalan berbahasa yang sopan dalam kalangan mereka. Dalam pada itu, masyarakat sekeliling yang sering mempamerkan prinsip kesopanan juga sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengalaman dan amalan murid-murid peribumi Melanau ini. Walaupun terdapat segelintir peserta kajian yang tidak mempamerkan prinsip kesopanan namun, ia masih boleh ditangani melalui pelbagai usaha sama ada pihak sekolah, ibu bapa atau masyarakat. Justeru, prinsip-prinsip kesopanan ini wajar dipelihara dalam kalangan murid-murid peribumi Melanau agar generasi-generasi yang akan datang kekal mengamalkan prinsip kesopanan dalam kehidupan seharian mereka lebih-lebih lagi, dengan perkembangan teknologi yang semakin rancak pada era kini agak membimbangkan kerana mampu mempengaruhi amalan seseorang kanak-kanak.

Rujukan

- Awang Sariyan. (2021). Isu Bahasa Orang Muda. Buletin Jendela DBP, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fuad Mat Hassan, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Sharifudin Yusop & Kamariah Kamarudin. (2012). *Ketidaksantunan negatif dalam pertuturan remaja. Manifestasi bahasa dalam budaya*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim, Noor Aida Mahmor. (2016). Kesantunan bahasa semasa berkomunikasi di laman sosial. *Proceeding of the International Conference on Government & Public Affair*.
- Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin. (2019). Prinsip Kesopnana dalam Kesantunan Bahasa Drama Zahira. *International Jopurnal of the Malay World and Civilisation*, 7 (1), 15-26.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Kamarull Fahhmi Norazhar. (2022). Kesantunan Berbahasa di Laman Sosial salam kalangan Pelajar Menengah Atas: Analisis Prinsip Kesopanan. *Jurnal Bahasa*, 22 (1), 129-148.
- Hamidah Abdul Wahab, Siti Marina Kamil & Remmy Gedat. (2020). Bentuk dan Penggunaan Bahasa Halus dalam Masyarakat Melayu dan Iban di Sarawak. *Issues in Language Studies*, 9 (1), 15-27.
- Haryati Ariffin. (2019). Bahasa Kurang Sopan Ubah Cara Komunikasi Remaja Masa Kini. Diakses pada 18 November, 2020. <https://www.sinarharian.com.my/article/57798/KHAS/Pendapat/Bahasa-kurang-sopan-ubah-carakomunikasi-remaja-masa-kini>.
- Jumiati Rosli. "Sejauhmana Keberkesanan Kempen Budi Bahasa?" dlm. BERNAMA Online 2009. Capaian 3 April 2024, drp. <http://web7.bernama.com/bernama/v5/bm/newsfeatures.php?id=424319>.
- Kalthum Ibrahim & Nur Faezah Kamaruzaman. (2017). Kesantunan Bahasa dalam Rancangan Bual Bicara Meletop: Satu Kajian Sociolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 12 (2), 60-68.
- Kim, K. S. (2007). A Study of the Problems of Discourse Completion Tests. *English Teaching*, 241-256.
- Levenston, E. (1975). Aspects of testing the oral proficiency of adult immigrants to Canada. Palmer & B. Spolsky (Eds.). *Papers on Language Testing 1967-1974*. Washington:TESOL.
- Mohammed Azlan Mis. (2011). Pilihan Bahasa oleh Suku Kaum Melanau di Negeri Sarawak. *Jurnal Linguistik*, 14, 1-22.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab, Mohd Nortaufig Nor Hashim & Wan Azni Wan Mohamad. (2021). Aspek Kesantunan dan Ketidak Santunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar Bahasa Melayu: Satu kajian Perbandingan Dua Buah Negara. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 3 (2), 1-20.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Mohamad Nortaufig Norhashim. (2019). Penerapan Model Falsafah Bahasa Penyatuan Bangsa: Satu Kajian Analisis Keperluan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (2), 11-24.
- Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan & Nik Norazira Abd Aziz. (2023). Kesopanan Berbahasa Masyarakat Malaysoia menhikut Prinsip Kesopanan Leech. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 8 (32), 397-411.

- Normah Ahmad, Amirah Ahmad & G. Sharina Shaharuddin. (2020). Lakuan Bahasa Permintaan dalam kalangan Pelajar Melayu di Akademi Pengajian Bahasa di UiTM Shah Alam. *Jurnal Linguistik*, 24, 001-016.
- Nor Shahila Mansor. (2019). Bentuk Pelanggaran Prinsip Kesantunan dalam Filem No Se Acepton Devoluciones: Satu Tinjauan Pragmatik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 141-162.
- Rais Yatim. (2011). Tahap Kesopanan Generasi Muda Kini Semakin Menurun Berbanding dengan Belia di Negara Luar. *Utusan Malaysia*, 1 Julai 2011.
- Rabahyah Tahir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Penanda Santun dalam Perbualan Kanak-kanak Melayu. *Jurnal Bahasa*, 17 (1), 193-209.
- Salinah Ja'afar. (2005). Kesantunan Bahasa: Pertembungan antara Budaya Melayu-Bukan Melayu dan Islam-Bukan Islam. *Jurnal Peradaban Melayu*, 3, 49-60.
- Sara Beden. (2019). Prinsip Strategi Kesantunan Penulisan dalam Artikel Ruangan Agenda Bahasa. *Issue in Language Studies*, 8 (1), 104-129.
- Sara Beden. (2020). Kesejajaran Kesantunan Bahasa dalam Peraturan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). *Jurnal Linguistik*, 24 (1), 51-80.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Analisis Kesopanan Bahasa Leech (1983) & Grice (1975): Manifesto Pola & Struktur Kesopanan Bahasa dalam Novel Melunas Rindu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 29-49.
- Utusan Borneo Online. (2016). Kerajaan Persekutuan Perlu Sedar Laporan 30% Kanak-kanak Peribumi tidak ke Sekolah Menengah. Diakses dan dicapai pada 28 Mei 2024. <https://www.utusanborneo.com.my/2016/09/23/kerajaan-persekutuan-perlu-sedar-laporan-30-kanak-kanak-peribumi-tidak-ke-sekolah>.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Hassan & Mohd Nur Hafizudin Md Adama. (2011). Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah. *Jurnal Bahasa*, 12(2), 321- 328.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Shamsudin Othman, Alizah Lambri & Hadi Hassan. (2020). Tahap Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan jati Diri Bahasa Melayu dalam Kalangan Rakyat Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (1), 27-36.

Biodata Penulis

Mohamad Nik Mat bin Pelet (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu dan Morfologi (Tatabahasa Bahasa Melayu). Aktif membentangkan kertas kerja di seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Norita binti Harijaman merupakan Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam dalam bidang Terjemahan. Aktif membentangkan kertas kerja di seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Nurul Nadia binti Samud merupakan Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam dalam bidang Semantik. Aktif membentangkan kertas kerja di seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Juliana binti Damsik merupakan Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam dalam bidang Leksikografi. Aktif membentangkan kertas kerja di seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Muhammad Nur Akmal bin Rosli (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam dalam bidang Retorik. Aktif membentangkan kertas kerja di seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Noor Saadah binti Salleh (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam dalam bidang Sociolinguistik. Aktif membentangkan kertas kerja di seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Anida binti Sarudin (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan berjawatan Profesor Madya di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak dalam bidang Linguistik, Semantik, Pragmatik, Korpus, Linguistik Terapan dan Wacana. Aktif membentangkan kertas kerja di seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.